

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

BUKAN KERANA VAKSIN

Autopsi sahkan jururawat meninggal dunia disebabkan oleh serangan sakit jantung

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan dakwaan seorang jururawat yang bertugas di Hospital Pulau Pinang meninggal dunia selepas disuntik vaksin Covid-19 lima hari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jururawat terabit disahkan meninggal dunia disebabkan serangan jantung yang dihidapi.

"Jururawat itu meninggal dunia akibat serangan jan-

tung lima hari selepas vaksinasi. Tiada kaitan dengan suntikan vaksin yang diberikan," katanya.

Jururawat yang berusia 45 tahun itu bekerja di Pulau Pinang namun menetap di Sungai Petani, Kedah dan sudah menerima suntikan pertama vaksin lima hari lalu iaitu pada 12 Mac.

Sementara itu, Ketua Asisten Komisioner Polis Daerah Kuala Muda Asisten Komisioner Adzli Abu Shah berkata, hasil laporan laporan autopsi forensik mengesahkan jururawat berusia 45 tahun berkenaan meninggal dunia disebabkan serangan jantung.



Jururawat itu meninggal dunia akibat serangan jantung lima hari selepas vaksinasi, tiada kaitan dengan suntikan vaksin yang diberikan"

Dr Noor Hisham

Sehingga kini, tiada laporan kematian atau kesan sampingan dilaporkan di negara ini selepas individu menerima suntikan vaksin sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) dilaksanakan 24 Februari lalu.

Sehingga kelmarin seramai 367,213 petugas barisan hadapan dan beberapa individu lain sudah divaksin untuk kali pertama.

Pick dilaksanakan menerusi tiga fasa, bermula dengan kumpulan barisan hadapan disusuli Kumpulan Berisiko Tinggi dan rakyat berusia 18 tahun ke atas.

Ia bagi memastikan antara 70 hingga 80 peratus rakyat di negara ini menerima vaksin menjelang Februari 2022, sekali gus membentuk imuniti kelompok untuk mengekang penularan Covid-19.



KAKITANGAN makmal perubatan dari Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching menjalankan Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen pada sampel yang diambil dari penduduk Kampung Bintawa Hulu, Kuching, semalam.

Catat 1,213 kes baharu semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,213 kes baharu positif Covid-19 dan tiga kematian direkodkan di negara kita, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehubungan itu, jumlah kumulatif kes baharu adalah 328,466 kes.

Beliau berkata, sebanyak 1,503 kes sembuh direkodkan, semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes berjaya dirawat sebanyak 312,461 kes.

"Kes baharu itu membabit-

kan sebanyak 1,207 kes penularan tempatan dan selebihnya adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Selangor merekodkan kes harian baharu tertinggi iaitu 353 kes, diikuti Sarawak (303), Johor (142), Pulau Pinang (104), Kuala Lumpur (79) dan Sabah (73).

"Selain itu, Perak mencatatkan 39 kes, Kedah (38), Negeri Sembilan (23), Kelantan (20), Terengganu (15), Pahang (14) dan Labuan (2).

"Manakala bagi Perlis dan Putrajaya tidak mencatatkan kes baharu pada hari ini (semalam)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, seramai 155 pesakit menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 54 pesakit memerlukan bantuan alat pernafasan.

Katanya, tiga kematian direkodkan, semalam menjadikan jumlah keseluruhan kematian 1,223 kes iaitu 0.37 peratus daripada jumlah kes.